



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kanak – Kanak dan Orang Muda (Pindaan) 1981

DR.4/1981

D. R. No.

Naskhah sahiih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 1947.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pindaan) 1981 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 3 Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 1947, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "one" yang terdapat dalam baris ketiga belas seksyen-kecil (1) dengan perkataan "five".

Pindaan bagi seksyen 3. Akta 232.

3. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda dengan—

Pindaan bagi seksyen 22.

(a) menggantikan perkataan-perkataan "two years" yang terdapat dalam baris keenam seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan "five years, or to a fine not exceeding ten thousand ringgit, or to both";

(b) menggantikan perkataan-perkataan "two years" yang terdapat dalam baris ketujuh seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan "five years, or to a fine not exceeding ten thousand ringgit, or to both"; dan

- (c) menambah selepas sahaja seksyen-kecil (2) seksyen-kecil baru (2A) yang berikut:

“(2A) Any person who harbours or has in his possession, custody or control any child without lawful authority or excuse shall, until the contrary is proved, be presumed to have contravened the provisions of sub-section (2).”.

Pindaan
bagi
seksyen 23.

4. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “two” dan “five” yang terdapat dalam baris keenam masing-masing dengan perkataan-perkataan “five” dan “ten”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 1947.

2. *Fasal 2* Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen-kecil (1) seksyen 3 Akta dengan menambahkan denda maksimum dari seribu ringgit kepada lima ribu ringgit bagi suatu kesalahan mendera kanak-kanak dan orang muda.

3. *Fasal 3* Rang Undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta.

(i) Perenggan (a) *Fasal* ini meminda seksyen-kecil (1) seksyen 22 dengan menambahkan hukuman penjara maksimum dari dua tahun kepada lima tahun dan memasukkan hukuman denda yang tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya bagi satu kesalahan memindah milik, jagaan atau kawalan ke atas seseorang kanak-kanak dengan tidak sah.

(ii) Perenggan (b) *Fasal* ini meminda seksyen-kecil (2) seksyen 22 dengan menambahkan hukuman penjara maksimum dari dua tahun kepada lima tahun dan memasukkan hukuman denda yang tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya bagi suatu kesalahan melindungi atau mempunyai dalam milik, jagaan atau kawalan seseorang kanak-kanak tanpa kebenaran atau alasan yang sah.

- (iii) Perenggan (c) *Fasal* ini bertujuan untuk menambahkan satu seksyen-kecil (2A) yang baru kepada seksyen 22 dengan memperuntukkan suatu anggapan bagi memudahkan pembuktian kesalahan melindungi atau mempunyai dalam milik, jagaan atau kawalan seseorang kanak-kanak tanpa kebenaran atau alasan yang sah.

4. *Fasal 4* Rang Undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 23 dengan menambahkan hukuman penjara maksimum dari dua tahun kepada lima tahun dan denda dari lima ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit bagi suatu kesalahan membawa masuk kanak-kanak dengan menipu dan lain-lain.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 1065.]

